

Vaksinasi selamat untuk ibu hamil, menyusukan bayi

Berita Harian (14/08/2021)

Risiko kelahiran pramatang, mati kurang jika wanita dijangkiti selepas terima suntikan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Banyak data menunjukkan vaksinasi adalah selamat ketika proses kehamilan dan penyusuan, selain tiada bukti kecacatan pada bayi selepas menerima suntikan pelalian berkenaan, kata Persatuan Obstetrik dan Ginekologi.

Pemegang Amanah persatuan berkenaan, Dato Dr Alex Mathews, Datuk Dr Aziz Yahya, Dr Johari Bux, Dr Gunasegaran Rajan dan Dr Ng Kwee Boon dalam ke-

nyataan semalam, meaklumkan kesan sampingan dalam kalangan ibu hamil juga jarang berlaku dan ia adalah sama dengan mereka yang tidak hamil.

Kenyataan itu menjelaskan, terdapat potensi penurunan risiko kelahiran pramatang dan kelahiran mati jika seseorang ibu dijangkiti COVID-19 selepas divaksin, sekali gus ibu hamil dinasihatkan mengambil suntikan pelalian berkenaan secepat mungkin.

“Lebih baik mengambilnya selepas 12 minggu kehamilan, tetapi dalam keadaan berisiko tinggi seperti bagi kebanyakan populasi hamil di Malaysia, keseimbangan risiko adalah lebih selamat jika diambil pada bila-bila masa kehamilan.

“Ia juga selamat jika anda menyusukan bayi dan tidak perlu berhenti berbuat demikian.

“Sekiranya merancang untuk hamil, yakinlah bahawa ia selamat dan tidak perlu menunda kehamilan.

“Sekiranya belum menerima

vaksin, hubungi doktor secepat mungkin, boleh berbincang dengan doktor masalah anda jika ada,” kata persatuan itu. *MS ab*

Persatuan menjelaskan, beberapa kebimbangan mengenai vaksinasi atau ubat-ubatan yang diambil ibu ketika mengandung dan menyusukan bayi amat difahami, namun semua vaksin selamat untuk ibu hamil dengan vaksin jenis *messenger ribonucleic acid* (mRNA) pada masa ini mempunyai data keselamatan terbesar.

Kata mereka, kerajaan mengutamakan ibu hamil dalam program imunisasi nasional dan melancarkan Pfizer-Comirnaty (mRNA) untuk wanita dalam kategori itu, selain terdapat lebih banyak pusat vaksinasi pada masa ini yang mengikuti prosedur operasi standard (SOP) ketat yang selamat untuk dikunjungi.

Rabu lalu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, sebanyak 3,396 kes COVID-19 dikekan sejak Mac 2020 hingga Jun



Nurshahirah Hassan yang sedang hamil menerima dos kedua di Pusat Pemberian Vaksin KLCC, Kuala Lumpur. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

lalu membabitkan ibu hamil dan terus meningkat bermula Oktober dengan purata 200 jangkitan sebulan.

Katanya, dianggarkan satu peratus ibu hamil di Malaysia dijangkiti COVID-19 dengan lonjakan kes dapat dilihat pada Mei lalu, iaitu sebanyak 850 kes dan pada Jun yang membabitkan 899 kes, sejajar peningkatan jumlah kes jangkitan virus itu di Malaysia secara keseluruhan.

Sehingga 9 Ogos 2021, beliau berkata, sebanyak 70 kes kematian ibu hamil disebabkan komplikasi jangkitan COVID-19 dila-

porkan berbanding tiada kes sepanjang tahun lalu, manakala sejak Januari hingga Mei 2020, purata jangkitan membabitkan golongan itu adalah dua kes pada setiap bulan.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata, berlaku peningkatan kematian dilaporkan sejak Jun lalu iaitu 17 kes dengan data menunjukkan dua kes daripada jumlah itu sudah menerima dos pertama vaksin, manakala 15 kes tidak menerima vaksin COVID-19, sementara 47 peratus kes kematian dilaporkan mempunyai komorbid.